

15 MAY 2003

Mahathir-Belia

BELIA HARUS TERUS BANGUNKAN NEGARA HENTIKAN BERPOLEMIC - PM

KUALA LUMPUR, 15 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tanggungjawab belia adalah untuk terus membangunkan negara bagi mencapai taraf negara maju dan bukannya menghabiskan masa dengan berpolemik mengenai dasar-dasar kerajaan.

Ini kerana bukan dasar yang menentukan berjaya atau tidaknya sesuatu projek itu tetapi tindakan serius yang diambil untuk menjayakan projek berkenaan, kata Perdana Menteri.

"Ini adalah pendekatan di Malaysia...jika terdapat satu rancangan ianya akan terus dilaksanakan dan jika terdapatnya ketidaksesuaian ianya akan diperbaiki selepas ia dilaksanakan bagi memastikan kejayaan projek itu," katanya semasa berucap pada pelancaran perhimpunan Hari Belia Negara 2003 di Stadium Putra Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil di sini hari ini.

Beliau berkata jika asyik dengan berpolemik atau berbahas mengenai apa yang perlu dibuat, ia akan hanya menimbulkan kekeliruan dan tidak ada satu pun yang dapat dilaksanakan untuk membangunkan negara.

Disebabkan itu, katanya, walaupun terdapat kecacatan dalam dasar sedia ada, usaha perlu diadakan untuk memastikan segala dasar dan rancangan yang telah ditentukan ini, dapat dijalankan dengan jayanya.

"Ini cara kita memajukan negara," katanya.

Dr Mahathir mengambil contoh cadangan kerajaan satu ketika dulu untuk mengeluarkan kereta nasional yang telah mencetuskan perbahasan sama ada projek itu akan berjaya atau tidak, memandangkan taraf negara yang sedang membangun serta tidak mempunyai teknologi.

"Jika dibiarkan perbahasan sahaja tanpa ada sebarang keputusan maka hari ini tidak ada Proton dan juga kereta nasional," katanya.

Beliau berkata pendekatan negara ini yang meneruskan sebarang dasar dan rancangan yang telah diwujudkan telah membawa kepada banyak kejayaan kepada negara.

Perdana Menteri mengingatkan para belia supaya melengkapkan diri dengan kecekapan, semangat kental dan sentiasa berusaha untuk menjayakan segala rancangan dan dasar yang telah ditentukan untuk negara.

"Semua belia perlu membuat persediaan untuk mengambil alih orang dewasa bagi meneruskan usaha menjadikan Malaysia sebuah negara maju," katanya.

Dr Mahathir berkata rakyat tidak mempunyai masa lagi kerana tinggal 17 tahun sahaja bagi mencapai Wawasan 2020 yang antara lain mahu menjadikan Malaysia sebuah negara maju dengan kadar pertumbuhan tujuh peratus setiap tahun.

Beliau berkata golongan belia yang akan mewarisi kepimpinan negara perlu terus membangunkan negara bagi memastikan generasi akan datang turut menikmati segala nikmat yang telah diwujudkan oleh pemimpin masa kini.

Pada majlis yang sama Dr Mahathir menerima sumbangan sebanyak RM300,000 daripada Majlis Belia Malaysia untuk Tabung Keamanan Antarabangsa Malaysia.

Beliau juga menyampaikan Anugerah Duta Belia yang merupakan pengiktirafan pada belia yang telah mempamerkan kecemerlangan dalam pelbagai bidang kepada Maznah Zulkifli.

Maznah aktif dalam bidang sukan bermotor dan sukan lasak, pengiklanan, pengacara dan drama. Nama beliau turut dicatatkan dalam "Malaysia Book of Records" sebagai wanita pertama Asia yang terbang dengan paragliding bermotor.

Dr Mahathir turut menyampaikan Anugerah Belia Negara kategori Tokoh Belia Lelaki kepada Pengerusi Belia Negeri Sembilan Datuk Hasan Malik,

Tokoh Belia Wanita kepada Pesuruhjaya Negeri Persatuan Bulan Sabit Perak  
Lau Kwai Chun, Tokoh Belia Kepimpinan kepada Yang Dipertua Majlis  
Perbandaran Alor Gajah, Melaka Idris Harun, Tokoh Belia Kesukarelaan kepada  
Mohamed Asrol Ismail dan Keusahawanan kepada Kontraktor Zaidi Jaafar.

Anugerah Perdana Pertubuhan Belia pula dimenangi oleh Persatuan Belia  
Generasi Tenaga Remaja Felda Sungai Sayong, Kota Tinggi, Johor.

-- BERNAMA

HK MFJ RON